

Sengsara badan susut 5kg dalam masa 7 hari

BH 7/10/14 ms 13.

» Azly trauma bila senja, takut keluar rumah bimbang digigit nyamuk Aedes

Oleh Syazwan Msar
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Kehilangan berat badan hampir lima kilogram (kg) dalam tujuh hari akibat demam denggi adalah antara kesengsaraan ditanggung seorang pemilik kedai makan kira-kira sekead lalu.

Azly Norzan, 29, berkata mukanya cengkung dan tubuh menjadi tidak bermaya dalam tempoh singkat.



Malah, pengalaman ketika berusia 19 tahun itu membuatkan beliau trauma setiap kali senja menjelang dan bimbang untuk keluar rumah berikutan ancaman nyamuk Aedes.

Demam berlarutan

“Awalnya seluruh sendi berasa lenguh manakala demam pula tidak surut.

“Saya muntah dan hilang selera makan. Selepas demam berlaru-

tan tiga hari dan badan kemerahan hingga saya tidak larat berjalan, ibu menghantar saya ke hospital untuk rawatan susulan.

“Tuhan sahaja yang tahu penderitaan saya sepanjang terlantar di katil dan jururawat memasukan puluhan botol air bagi meredakan suhu badan,” katanya ketika ditemui BH, baru-baru ini.

Anak ketiga daripada lima beradik itu mengakui tidak selesa setiap kali senja menjelang kerana suhu badannya meningkat secara mendadak.

Beliau turut meminta jururawat memasang kelambu dan tidak berganjak dari katil kerana bimbang digigit nyamuk Aedes.

Azly mengakui takut berada di luar rumah sejak diserang demam denggi dan tidak keluar dari rumah hampir sebulan.

Fobia dengan nyamuk

“Saya juga mengelak berada di tempat terbuka pada waktu pe-

INFO

Maklumat denggi harian - 6 Oktober 2014

Negeri	Jumlah kes harian	Jumlah kes terkumpul
Johor	14	4,371
Kedah	11	784
Kelantan	0	13,122
Melaka	4	2,041
Negeri Sembilan	1	3,082
Pahang	1	1,288
Perak	8	4,178
Perlis	0	184
Pulau Pinang	4	1,621
Sabah	6	987
Sarawak	5	1,431
Selangor	96	37,757
Terengganu	5	1,057
WP Kuala Lumpur	9	5,299
WP Labuan	0	11
WP Putrajaya	0	259
Jumlah kes:	164	Jumlah lokaliti wabak: 77,472



tang kerana ketika itu nyamuk Aedes aktif manakala semua tingkap serta pintu rumah ditutup rapat.

“Biarlah orang kata saya takut nyamuk. Mereka tidak tahu apa yang saya lalui ketika menghidap

demam denggi,” katanya.

Beliau turut memastikan botol dan bekas makanan yang boleh menampung air dibuang dalam tong sampah, selain meletak ubat jentik-jentik dalam tong tadahan air.